

Kajian awal dalam kesediaan pelajar prauniversiti bagi Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PDR) secara dalam talian: penilaian dalam capaian internet

ABSTRACT

Ketika pandemik COVID-19 melanda negara Malaysia, pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdR) dilaksanakan bagi menggantikan sesi pembelajaran secara bersemuka. Kesediaan pelajar pra-universiti dalam pelaksanaan PdR membantu untuk penyampaian pendidikan yang berkualiti. Ia dapat dikaji melalui capaian internet, persekitaran pembelajaran, ekonomi pelajar, kesesuaian kandungan kursus dalam talian, jenis platform e-pembelajaran yang digunakan dan lokaliti pelajar. Sehubungan itu, kajian awal ini bermatlamat untuk mengenalpasti hubungkait capaian internet terhadap kesediaan pelajar dalam PdR. Set soal selidik diedarkan kepada 344 pelajar bagi mendapatkan respon berkaitan dengan capaian internet yang digunakan, tahap kelajuan internet dan jenis peranti yang digunakan. Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar mengakses internet melalui internet WiFi rumah (34.3%) dan data selular (33.1%). Kesemua pelajar mempunyai peranti untuk e-pembelajaran dimana 61.0% pelajar menggunakan gabungan komputer riba dan telefon pintar. Dapatan bagi tahap kelajuan capaian internet untuk mengakses PdR memperoleh ($M=3.22$, $SP= 1.269$) iaitu kelajuan capaian internet yang sederhana. Dapatan kajian dalam tahap kesalinghubungan dalam talian dan kebolehsediaan pelajar di dalam PdR menunjukkan ($Min= 3.74$, $SP= 1.2006$) dimana ia diatas tahap lebar jalur internet rendah dan kesegeraan tinggi; dan dibawah tahap lebar jalur tinggi dan kesegeraan rendah. Kajian awal ini membuktikan bahawa kualiti capaian internet mempengaruhi kebolehsediaan pelajar pra-universiti dalam mengikuti PdR. Faktor-faktor seperti persekitaran pembelajaran, ekonomi keluarga dan cuaca juga boleh mempengaruhi kualiti capaian internet pelajar.